

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN
BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS]**

TARIKH : 30 OKTOBER 2019 [RABU]

SOALAN NO. 26

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan rancangan penjualan harta tanah mewah kepada warga asing dan implikasinya kepada pasaran perumahan di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, lambakan rumah mewah yang bernilai RM1 juta dan ke atas ini telah **menjejaskan pertumbuhan ekonomi** serta **mewujudkan masalah sosial** di kawasan-kawasan rumah yang kosong serta tidak diduduki. Berdasarkan data Pusat Maklumat Harta Tanah Negara, pada suku kedua 2019, terdapat 4,213 (12.8%) unit rumah mewah yang berharga RM1 juta dan ke atas dengan nilai RM8.3 bilion tidak terjual di negara ini.
2. Sehubungan itu, penjualan rumah mewah kepada warga asing ini dapat mengurangkan lambakan unit rumah sedia ada serta diharap dapat menggalakkan pertumbuhan ekonomi secara keseluruhannya di samping memberi implikasi positif kepada pasaran perumahan di negara ini.
3. Rumah-rumah mewah yang tidak terjual ini boleh dikurangkan melalui mekanisme sedia ada Kerajaan seperti Kempen *Malaysia My Second Home* (MM2H) dengan menjual rumah mewah kepada ekspatriat yang berkelayakan.
4. Selain itu, kerajaan juga dalam pengumuman Belanjawan 2020 telah menurunkan had ambang milikan rumah oleh warga asing daripada RM1 juta kepada RM600,000.00 bagi menangani isu lambakan rumah mewah tidak terjual di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA
[SIPITANG]
TARIKH : 30 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 27

Y.B. TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA [SIPITANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kadar hutang terkini negara ini serta jumlah pinjaman asing yang sudah dan belum dilunaskan lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga akhir-Jun 2019, hutang langsung Kerajaan Persekutuan meningkat RM73.9 bilion kepada **RM799.1 bilion** atau **52.7%** daripada KDNK.

Selain hutang langsung, Kerajaan juga mempunyai **komitmen jaminan yang perlu ditanggung dan dibiayai Kerajaan** yang terdiri daripada tanggungan hutang sebahagian syarikat berkaitan Kerajaan yang menerima Jaminan Kerajaan bagi melaksanakan projek infrastruktur pengangkutan awam dan utiliti. Di samping itu, Kerajaan juga menanggung **hutang syarikat 1MDB** serta liabiliti lain seperti **bayaran pajakan kewangan (finance lease)** bagi tempoh 2018 – 2047 ke atas projek yang dilaksanakan secara *Public-Private Partnership* (PPP) di bawah Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), projek yang dilaksanakan secara *off-budget* melalui inisiatif pembiayaan swasta (PFI) dan Pembinaan BLT Sdn Bhd di bawah Kementerian Kewangan. Bayaran

finance lease ini adalah berdasarkan perjanjian konsesi yang ditandatangani melibatkan obligasi tunai Kerajaan sehingga tahun 2047. Secara keseluruhannya, **jumlah keseluruhan komitmen hutang, jaminan dan liabiliti Kerajaan** dianggarkan berjumlah **RM1.1 trillion**.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi hutang langsung, pinjaman luar pesisir terdiri daripada pinjaman pasaran dan pinjaman projek. Pinjaman pasaran merangkumi pinjaman dalam mata wang asing terutamanya dolar AS (54.5%) dan yen Jepun (44.7%). Kerajaan telah membuat bayaran balik pokok USD4.25 bilion bagi sukuk global yang diterbitkan pada 2002, 2010 dan 2011 secara pembiayaan semula melalui terbitan sukuk global pada tahun 2011, 2015 dan 2016. Sehingga akhir-Jun 2019, pinjaman pasaran adalah berjumlah RM23.6 bilion selepas mengambil kira sukuk global yang masih belum matang berjumlah USD3.8 bilion dan terbitan bon Samurai berjumlah JPY200 bilion pada Mac 2019.

Pinjaman projek pula berjumlah RM5.6 bilion yang terdiri daripada perjanjian bilateral dengan Japan International Cooperation Agency (JICA) berjumlah JPY136.4 bilion, Kerajaan Kanada (CAD 0.8 juta), Kerajaan Perancis (EUR 0.3 juta) dan Kerajaan Sepanyol (USD 4.1 juta) serta perjanjian multilateral dengan Asian Development Bank berjumlah USD9.2 juta dan Islamic Development Bank (ISD37.6 juta). Sepanjang tempoh 2010 hingga akhir-Jun 2019, Kerajaan telah membuat bayaran sebanyak RM5.3 bilion bagi pinjaman projek.